# KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

# MANUAL PENGGUNA AWAM

# PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KHIDMAT SOKONGAN SISTEM MYSUBSIDI DIESEL 2.0, KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

| | | |
|---|---|---|
| NAMA AGENSI | : | KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN) |
| PERKHIDMATAN | : | LIMA (5) |
| TARIKH DOKUMEN | : | 1 OGOS 2025 |
| VERSI DOKUMEN | : | 6.0 |

# ISI KANDUNGAN


1 PENGENALAN ..... 3

2 CAPAIAN SISTEM ..... 3

3 LAMAN UTAMA ..... 3

4 SEMAK KENDERAAN ..... 3

5 PENGENALAN SISTEM ..... 3

6 CARA MEMOHON ..... 3

7 SYARAT KELAYAKAN ..... 4

8 HUBUNGI KAMI ..... 4

9 SEMAK KELAYAKAN KENDERAAN ..... 4

10 PENDAFTARAN BAHARU ..... 6

11 LOG MASUK ..... 11

12 PROFIL PEMOHON ..... 12

Profil Pemilikan Tunggal ..... 12

Profil Syarikat ..... 14

Profil Koperasi/PBT ..... 16

13 MAKLUMAT FLEET CARD SEMASA ..... 18

14 PERMOHONAN PERTUKARAN SYARIKAT MINYAK ..... 21

## 1 PENGENALAN

Manual Pengguna ini merupakan panduan kepada Pengguna Awam untuk membuat pendaftaran akaun dan cara membuat permohonan kuota bagi kategori pengangkutan darat awam dan pengangkutan darat barangan. Manual ini merangkumi proses pendaftaran, permohonan baharu, permohonan pertukaran syarikat minyak dan status permohonan.

## 2 CAPAIAN SISTEM

Sistem MySubsidi Diesel 2.0 boleh diakses melalui url yang berikut:-

https://mysubsidi.kpdn.gov.my/login

## 3 LAMAN UTAMA

Laman utama sistem akan memaparkan info-info terkini berkaitan sistem MySubsidi Diesel untuk dijadikan rujukan kepada pengguna.

## 4 SEMAK KENDERAAN

Fungsi semakan kenderaan adalah untuk membolehkan pengguna membuat semakan kenderaan yang layak mendapat subsidi diesel. Sekiranya kenderaan pengguna layak menerima subsidi, hasil carian akan memaparkan kenderaan layak.

## 5 PENGENALAN SISTEM

Bahagian ini menceritakan pengenalan bagi pemberian subsidi diesel kepada sektor pengangkutan darat awam dan pengangkutan darat barangan.

## 6 CARA MEMOHON

Bahagian ini menyediakan manual pengguna kepada pemohon untuk melihat cara membuat permohonan kuota bagi kenderaan yang layak mendapat subsidi dan terdapat FAQ untuk rujukan pengguna sekiranya terdapat segala persoalan berkaitan dengan syarat-syarat permohonan.

## 7 SYARAT KELAYAKAN

Bahagian ini menjelaskan syarat kelayakan dan kategori kenderaan yang layak menerima subsidi.

## 8 HUBUNGI KAMI

Bahagian ini menyenaraikan senarai nombor telefon yang boleh dihubungi oleh pengguna sekiranya terdapat sebarang aduan atau masalah pada sistem.

## 9 SEMAK KELAYAKAN KENDERAAN

Pemohon perlu membuat semakan kelayakan kenderaan sebelum membuat pendaftaran baharu akaun sistem MySubsidi Diesel.

i. Klik tab **Semak Kenderaan** di laman utama portal MySubsidi Diesel.




ii. Masukkan nombor pendaftaran kenderaan yang ingin didaftarkan dan klik butang **Carian**



iii. Paparan sekiranya kenderaan tidak layak



# 10 PENDAFTARAN BAHARU

Pemohon boleh membuat pendaftaran baharu sekiranya belum mempunyai akaun di dalam sistem MySubsidi Diesel.

## a. Pendaftaran Pemilikan Tunggal

i) Klik butang **Pemilikan Tunggal** untuk mendaftar sekiranya kenderaan di bawah kategori pemilikan tunggal.




ii) Isi Maklumat Pemohon dan klik butang **Daftar** untuk mendaftar sebagai Individu



iii) Notifikasi Pendaftaran Berjaya akan dipaparkan. Masuk ke akaun emel yang dimasukkan semasa pendaftaran dan klik pautan pengesahan dalam emel tersebut.



## b. Pendaftaran Syarikat

- Bagi pemohon <u>syarikat</u>, mohon semak dan pastikan no. SSM pada **geran kenderaan** layak yang ingin didaftarkan adalah **<u>SEPADAN</u>** dengan no. SSM yang tertera dalam **sijil SSM syarikat** (no SSM dalam geran kenderaan mestilah mengikut no SSM di sijil SSM).
- Bagi pemohon syarikat <u>PLT/LLP</u>, mohon semak dan pastikan no. SSM pada **geran kenderaan** adalah **<u>SEPADAN</u>** dengan no. SSM yang tertera dalam **sijil SSM.**
- Bagi pemohon syarikat SDN BHD dan syarikat PLT/LLP, masukkan no SSM yang ada dalam sijil SSM dalam ruangan No. Pendaftaran Syarikat
    - Syarikat PLT/LLP adalah disarankan untuk mendaftar menggunakan no SSM 12-digit

i) Klik butang **Syarikat** untuk mendaftar sebagai Syarikat




ii) Isi maklumat **syarikat**



iii) Notifikasi Pendaftaran Berjaya akan dipaparkan. Masuk ke akaun emel yang dimasukkan semasa pendaftaran dan klik pautan pengesahan dalam emel tersebut.




### c. Pendaftaran Koperasi/PBT

- Bagi pemohon Koperasi/NGO/PBT, masukkan no ROS dalam ruangan No. Koperasi/PBT
- Bagi pemohon Koperasi, masukkan no SKM dalam ruangan No. Koperasi/PBT
- Bagi pemohon daripada NGO atau PBT, mohon semak dan pastikan no agensi yang didaftarkan pada geran kenderaan adalah **SEPADAN** dengan no Registration of Society (ROS)

i) Klik butang **Koperasi/PBT** untuk mendaftar sebagai Koperasi/PBT



ii) Isi maklumat **koperasi/ PBT**




iii) Notifikasi Pendaftaran Berjaya akan dipaparkan. Masuk ke akaun emel yang dimasukkan semasa pendaftaran dan klik pautan pengesahan dalam emel tersebut.



# 11 LOG MASUK

Pemohon boleh log masuk ke dalam sistem menggunakan dengan menggunakan alamat emel dan kata laluan seperti yang telah didaftarkan. Langkah-langkah log masuk adalah seperti berikut:

i. Klik butang **Log Masuk** untuk log masuk dalam sistem.




ii. Masukkan **Emel** yang telah didaftarkan.

iii. Masukkan **Kata laluan** yang telah didaftarkan.

iv. Klik pada checkbox "Captcha".

v. Klik butang **Log Masuk** untuk log masuk dalam sistem.



# 12 PROFIL PEMOHON

## Profil Pemilikan Tunggal

i. Klik butang **MyDiesel pada laman Overview.**




ii. Lengkapkan maklumat pemohon.



iii. Klik butang **Simpan** selepas melengkapkan maklumat di profil pemohon.




iv. Sekiranya pengguna perlu pinda butiran profil selepas disimpan, klik butang ( ikon pensel). Pinda butiran yang berkaitan. Klik 'Simpan'.

## Profil Syarikat

i. Klik butang **MyDiesel pada laman Overview.**




ii. Lengkapkan maklumat pemohon.



iii. Klik butang **Simpan** selepas melengkapkan maklumat di profil pemohon.




iv. Sekiranya pengguna perlu pinda butiran profil selepas disimpan, klik butang ( ikon pensel). Pinda butiran yang berkaitan. Klik ‘Simpan’.

**Profil Koperasi/PBT**

ii. Klik butang **MyDiesel pada laman Overview.**




iii. Lengkapkan maklumat pemohon.



iv. Klik butang **Simpan** selepas melengkapkan maklumat di profil pemohon.



# 13 MAKLUMAT FLEET CARD SEMASA

Di Bahagian ini, pemegang akaun boleh membuat permohonan kuota asas, semakan bagi senarai kenderaan yang telah didaftarkan di dalam Sistem MySubsidi dan pemegang akaun boleh membuat cetakan surat kelulusan serta senarai kenderaan untuk dihantar kepada Syarikat Minyak atau disimpan sebagai rujukan.

i. Klik menu **Maklumat *Fleet Card* Semasa.** Maklumat Profil pemohon akan dipaparkan.






ii. Lihat seksyen "Senarai Kenderaan".




iii. Lihat seksyen "Syarikat Minyak". Klik butang '+Pilih Syarikat Minyak'.

iv. Masukkan pecahan untuk setiap syarikat minyak. Jumlah kesemua pecahan mestilah 100%. Kenderaan Sektor Awam boleh memilih lima (5) syarikat minyak, kenderaan Sektor Barangan boleh memilih tiga (3) syarikat minyak. Klik butang "Simpan".



v. Lihat seksyen "**Akuan Semakan & Pengesahan".** Semak maklumat permohonan dan klik ketiga-tiga *checkbox* akuan pengesahan. Klik butang ‘Hantar’.




vi. Sistem paparkan mesej “Permohonan berjaya dihantar. Sila cetak surat kelulusan dan senarai kenderaan anda”. Klik butang ‘Surat Kelulusan’ dan 'Senarai Kenderaan' untuk mencetak surat kelulusan dan senarai kenderaan.

vii. Selepas permohonan Fleet Card dihantar, syarikat minyak yang telah dipilih tidak boleh ditukar lagi bagi tempoh **tiga (3) bulan**.



# 14 PERMOHONAN PERTUKARAN SYARIKAT MINYAK

Di Bahagian ini, pemegang akaun boleh membuat permohonan pertukaran Syarikat Minyak. Permohonan hanya boleh diluluskan maksima tiga (3) kali dalam tempoh satu (1) tahun.

i. Klik menu **Permohonan Pertukaran Syarikat Minyak. Klik butang "+Pilih Syarikat Minyak".**




ii. Masukkan pilihan syarikat minyak baru dan pecahan baru. Klik butang 'Simpan'.



iii. Semak status permohonan tukar syarikat minyak. Selepas permohonan Pertukaran Syarikat Minyak dihantar, syarikat minyak yang telah dipilih tidak boleh ditukar lagi bagi tempoh **tiga (3) bulan**.

